



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 21 MEI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	FRUITS AND VEGETABLES DONATED TO CENTRAL KITCHEN, NATION, CHINA PRESS -A4 BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI, NASIONAL, SINAR HARIAN -7 KPDNHEP SANGKAL DAKWAAN LAMBAT BERTINDAK PANTAU HARGA, NASIONAL, BERITA HARIAN -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
4.	DISIPLIN TAKSONOMI PENTING BANGUNKAN BIODIVERSITY, NASIONAL, BERITA HARIAN -12	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
5. 6. 7.	BEKALAN AYAM CUKUP HADAPI PERAYAAN, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -1,8 READY MARKET FOR POMELOS -JUNZ, HOME, BORNEO POST (KK) -5 HARGA DAH TURUN RM1, LOKAL, HARIAN METRO -17	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Fruits and vegetable donated to central kitchen		
MediaTitle	China Press		
Date	21 May 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A4	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	295 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,819
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,457



聯邦農業銷售局 捐中央廚房蔬菜水果



■罗南建迪（左）移交捐出的水果给朱乃达（右）；左2为再纳阿兹曼。

（布城20日讯）联邦农业销售局（FAMA）捐赠了5公吨蔬菜和水果，给在福利局监管的10个地区中央厨房。

农业与食品业部长拿督斯里罗南建迪指出，这批捐赠的蔬菜和水果，足以让1357名人士受惠。

“这是联邦农业销售局展现的企业社会责任，每个地点的中央厨房将接获500公斤的蔬菜和水果。”

罗南建迪今日是出席管制令期间捐献物资给福利局下的中央厨房活动后，向媒体这样指出。出席者有农业与食品业部秘书

长拿督再纳阿兹曼，及妇女与家庭事务部秘书长拿督朱乃达。

部长说，联邦农业销售局也与新加坡驻马最高专员署合作，捐助中小型企业生产的干粮食品，给在管制令期滞留在新加坡的150名大马人。

“在管制期内，联邦农业销售局已在全国执行了43项企业社会责任活动及捐献，主要供给弱势群体如福利单位、协会、甘榜居民和前线人员。”

他说，联邦农业销售局在国内的53间分行，从4月1日至昨日，销售总额达6549万令吉。”

Bekalan makanan mencukupi

Kebijaksanaan kerajaan faktor jaminan keperluan rakyat terjaga

Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN



DR MADELINE BERMA



DR SHAUFIQUE FAHMI



DR NORSIDA MAN

Pada saat ini seluruh dunia berdepan dengan krisis kemanusiaan berganda iaitu pandemik koronavirus (Covid-19) yang menyaksikan hampir lima juta manusia dijangkiti penyakit tersebut dengan 319,031 kes kematian dicatatkan dan kemelesetan ekonomi global terburuk.

Ancaman Covid-19 turut menyebabkan negara-negara di seluruh dunia melaksanakan sekatan pergerakan dan perniagaan rakyat. Senario itu menyebabkan rantaian pengeluaran dan bekalan terancam sehingga wujud tindakan mengekang eksport ke negara-negara pengimport termasuklah bekalan makanan.

Rakyat menjadi risau tentang kecukupan tahap bekalan makanan domestik. Senario kritikal itu membawa kepada persoalan, adakah bekalan sekuriti negara benar-benar mencukupi untuk satu tempoh yang panjang?

Pakar ekonomi daripada Akademi Sains Malaysia, Profesor Dr Madeline Berma berkata, Institut Penyelidikan Polisi Makanan Antarabangsa menyatakan masyarakat dunia tidak perlu bimbang isu ketidakcukupan sumber makanan harian semasa pandemik Covid-19.

Malah, portal Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) turut memberi jaminan bekalan makanan seperti beras, daging, ikan dan sayur-sayuran berada pada tahap yang stabil serta mencukupi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Dari aspek ekonomi, bekalan sekuriti makanan negara ditampung pengeluaran domestik dan import. Namun, Malaysia menyaksikan tahap kebergantungan import bekalan makanan sangat tinggi.

"Bagaimanapun, Indikator Global Food Security Index 2018 meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-40 daripada 113 negara dan berada pada tahap selamat bagi ketersediaan serta kebolehcapaian kestabilan bekalan makanan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini baru-baru ini.

Di sebelah ketersediaan Malaysia, beliau berkata, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin masih mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) de-



Keupayaan kerajaan menjamin bekalan sekuriti makanan seperti beras mencukupi sepanjang tempoh PKP wajar diberi pujian.

ngan peruntukan sebanyak RM1 bilion sebagai Dana Jaminan Makanan.

Menurutnya, dana khas itu bagi tujuan kelangsungan rantaian bekalan makanan kepada rakyat supaya bekalan makanan sentiasa mencukupi dan berada pada tahap mampan sepanjang tempoh sukar ini.

"Suntikan dana pakej rangsangan ekonomi dalam kluster jaminan makanan yang diumumkan adalah strategi yang pintar dan tepat.

"Ia bakal meningkatkan penggandaan usaha dalam penghasilan sumber makanan domestik dan kelangsungan keselamatan makanan untuk berada pada tahap yang stabil," katanya.

Inisiatif

Sementara itu, Pengarah Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Negara, Profesor Madya Dr Shaufique Fahmi Ahmad Sidique berkata, bidang pertanian sebenarnya menyumbang sebanyak 7.1 peratus daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2019.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, separuh datangnya daripada produk pengeluaran *agrofood*, manakala separuh lagi melibatkan pengeluaran pertanian komoditi.

"Namun, sumbangan *agrofood* kepada KDNK adalah lebih besar daripada 3.55 peratus jika mengambil kira sumbangan input *agrofood* dalam industri hiliran seperti pemprosesan makanan dan sektor makanan serta minuman," katanya.

Sehingga kini, jumlah nilai import sekuriti makanan negara mencecah sebanyak RM51.4

bilion. Bagaimanapun, nilai eksport makanan hanya berjumlah RM34 bilion menyebabkan berlaku defisit eksport makanan negara sekitar RM17.4 bilion.

Beliau berkata, terdapat desakan agar kerajaan menumpukan usaha menghasilkan produk pertanian secara komersial bagi mengurangkan kebergantungan import bekalan makanan dari luar negara, susulan krisis kesihatan dihadapi ketika ini.

Namun, katanya, beras perlu diimport kerana Malaysia mengeluarkan hanya 70 peratus daripada jumlah keperluan rakyat.

Menurutnya, pengeluaran daging negara juga rendah disebabkan pelbagai faktor seperti kurangnya penglibatan penternakan berskala besar, kos pengeluaran tinggi dan sebagainya.

"Ini termasuk makanan haiwan dan beberapa jenis sayur-sayuran seperti kubis, bawang dan brokoli.

"Nilai import tinggi juga didorong atas faktor kos. Lebih murah bagi Malaysia mengimport sesetengah komoditi daripada menghasilkannya sendiri seperti jagung (*grain corn*), kubis dan bawang.

"Bagaimanapun, kerajaan perlu menilai semula produk-produk makanan untuk dihasilkan sendiri," katanya.

Dari sudut positif, beliau memuji inisiatif kerajaan susulan keupayaan agensi-agensi di bawah MOA bagi memastikan jaminan bekalan sekuriti makanan sepanjang tempoh pandemik Covid-19 mencukupi.

Menurutnya, kerajaan turut terbukti lebih proaktif bagi memastikan hubungan perdagangan dengan negara-negara pengeksport utama makanan

berjaya ditangani dan diperkatakan lebih awal.

Dalam pada itu, Ketua Jabatan Teknologi Pertanian, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Norsida Man pula mengiktiraf keampuhan kerajaan memastikan rantaian pengedaran bekalan makanan kepada pengguna di seluruh Malaysia berjalan lancar.

Pemantauan

Beliau turut memuji langkah kerajaan menerusi MOA dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Perdagangan (KPDNHEP) melakukan pemantauan harga barangan berterusan, selain memastikan tiada aktiviti menyembunyikan stok bekalan sepanjang PKP.

"KPDNHEP juga dibenarkan melaksanakan mekanisme sama untuk barang keperluan biasa termasuk produk kesihatan bagi mengawal kenaikan harga dan ia membuktikan komitmen kerajaan memastikan rakyat tidak terbeban.

"Langkah terkini Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee mengumumkan jawatkuasa Kabinet untuk sekuriti makanan akan ditubuhkan dalam masa terdekat bagi merangka Dasar Sekuriti Makanan Negara juga adalah satu tindakan sangat tepat," katanya.


Menurutnya, sudah tiba masa kerajaan bersiap siaga merangka pelan alternatif lebih komprehensif sekiranya krisis menyerupai Covid-19 berulang pada masa hadapan.

"Antaranya, melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) khas dalam aspek pengedaran bekalan makanan seperti penggunaan rantaian pembekalan secara digital sebagaimana dipraktikkan di negara-negara Eropah ketika ini," katanya.

Norsida berpendapat, kerajaan perlu memberikan pendirian yang betul kepada petani bagi menyokong inovasi dalam sektor pertanian yang memerlukan penggunaan teknologi dan keupayaan menangani perubahan iklim.

"Kerajaan perlu menawarkan insentif dan tawaran pendapatan lumayan kepada petani kerana pendapatan mereka ketika ini boleh dianggap cukup makan," kata beliau.

Headline	KPDNHEP sangkal dakwaan lambat bertindak pantau harga		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 May 2020		
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	7	Circulation	82,252
Language	Malay	Readership	246,756
Journalist	N/A	ArticleSize	697 cm ²
Frequency	Daily	AdValue	RM 23,080
		PR Value	RM 69,240



Nanta Linggi (duo dari kanan) meninjau senarai barangan harga terkawal di pasar raya Econsave Kajang, semalam. (Foto BERNAMA)

KPDNHEP sangkal dakwaan lambat bertindak pantau harga

Kajang: Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Alexander Nanta Linggi menyangkal dakwaan bahawa pihaknya lambat bertindak dalam mengawal harga barangan keperluan menjelang sambutan Aidilfitri.

Sebaliknya, beliau berkata, kementerian sentiasa sensitif terhadap keluhan pengguna dan sudah mula bertindak mengawal harga barangan sejak mula pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Malah, beliau sering berhubung dan bekerjasama dengan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee bagi membincangkan mengenai perkara itu.

"Sebenarnya kita tidak lambat. Kami sentiasa prihatin, sudah berminggu kami memantau. Malah, dalam PKP kita dapati harga barang memang rendah.

"Pada minggu pertama PKP, kami juga ada buat perbincangan dengan semua pemain industri, pengilang, pemborong dan pasar raya (bagi bincang harga barang)," katanya kepada pemberita selepas membuat tinjauan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan di sebuah pasar raya di sini, semalam.

Mengenai Skim Harga Maksimum Musim Perayaan, Alexander berkata, pihaknya sudah melakukan pemeriksaan ke atas se-

buah pasar utama dan pasar raya di seluruh negara, semalam.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati rata-rata peniaga patuh dengan harga maksimum, terutama bagi harga runcit ayam standard yang ditetapkan oleh kerajaan.

"Semua pasar basah dilaporkan menjual ayam standard pada harga maksimum runcit iaitu RM7.50 sekilogram.

"Pemantauan di peringkat pasar raya mendapati ayam dijual pada harga antara RM7 hingga RM7.40 sekilogram iaitu lebih rendah daripada harga maksimum," katanya merujuk kepada keluhan ramai sebelum ini akan kenaikan mendadak harga ayam.

BERNAMA

Sebenarnya kita tidak lambat.

Kami sentiasa prihatin, sudah berminggu kami memantau. Malah, dalam PKP kita dapati harga barang memang rendah.

Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)



EXCO Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna Melaka, Datuk Ismail Othman diiringi Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar melakukan tinjauan harga barangan di pasar raya Mydin Jasin, semalam. (Foto Amir Mamat/BH)



Peniaga ayam di Pasar Datuk Keramat, Kuala Lumpur menjual ayam dengan harga RM7.50 sekilogram mengikut harga maksimum ditetapkan kerajaan.

(Foto Mohd Yusoff Ariffin /BH)

Headline	Disiplin taksonomi penting bangunkan biodiversiti		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 May 2020	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	12	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	297 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,026
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,078



Disiplin taksonomi penting bangunkan biodiversiti

Hari Biodiversiti Sedunia disambut esok. Biodiversiti bukan cerita harimau Malaya, gajah di Semenanjung dan Sabah, orang utan, bunga pakma dan ikon lain. Biodiversiti lebih banyak bercerita mengenai biodiversiti yang tidak diketahui.

Penulis ingin 'melawat' kembali biodiversiti, yang mula menjadi buah mulut sejak 5 Jun 1992. Ketika itu, Persidangan Kewangan Bumi diadakan dan Kowensyen Kepelbagaian Biologi ditandatangani di Rio de Janeiro, Brazil.

Biodiversiti kerap dirujuk kepada tiga aspek. Pertama, biodiversiti spesies merujuk kepada pelbagai spesies organisma, merangkumi tumbuhan, haiwan, kulat dan mikroorganisma. Manakala kedua, biodiversiti genetik merangkumi pelbagai gen yang terdapat dalam pelbagai spesies organisma.

Ketiga, biodiversiti ekosistem merangkumi pelbagai habitat

yang dihuni pelbagai organisma. Malaysia dikelompokkan dalam kumpulan negara yang memiliki biodiversiti sangat tinggi atau dikenali sebagai megadiversiti.

Siapakah yang menganggar atau menentukan kekayaan spesies itu? Jawapannya, ahli taksonomi tumbuhan, haiwan, kulat dan mikroorganisma. Mereka bukan duduk di barisan hadapan, sebaliknya bekerja di belakang tabir tetapi memberi maklumat kepada pembuat dasar.

Apa itu taksonomi? Taksonomi ialah disiplin ilmu sains tulen mengenai penemuan, pemerihatan dan penamaan spesies yang membinasakan pertanian. Antaranya untuk menyediakan suatu sistem pengelasan sama ada pengelasan tumbuhan, pengelasan haiwan atau pengelasan mikroorganisma.

Saya perik dua daripada tiga perkara dalam Artikel 7, Kowensyen Kepelbagaian Biologi, iaitu mengenai pengelasan dan pe-

mantauan perkara mengenai pengenalan komponen kepelbagaian biologi untuk pemuliharaan dan penggunaan lestara serta penentuan komponen ini melalui penentuan pelan atau kaedah lain.

Bagi melaksanakan kedua-dua perkara itu, ilmu pengetahuan taksonomi sangat diperlukan. Ia ibarat bahasa untuk berkomunikasi mengenai kepelbagaian biologi atau biodiversiti. Apakah penguasaan dan penentuan spesies dapat dilaksanakan sekiranya tidak ada pengetahuan taksonomi?

Namun malangnya, kerjaya ahli taksonomi tidak diminati dan di-dekati. Bidang ini tiada nilai ekonomi, sekali gus sama seperti nasib beberapa bidang sains tulen lain. Pelajar sudah tentu memilih kerjaya yang ada nilai ekonomi, khusus bidang guman. Meskipun pihak universiti boleh melatih pelajar tanpa kerjaya berpotensi, tidak ada yang berminat.

Mengapakah hal ini berlaku? Jawapannya, tiada institusi khusus tempat pembangunan dan penyelidikan dalam disiplin taksonomi. Apa institusi berkenaan? Muzium Sejarah Semula Jadi ialah institusi untuk penyelidikan taksonomi haiwan dan Herbarium Nasional untuk penyelidikan taksonomi tumbuhan.

Apa sahaja namanya, fungsinya tetap untuk pembangunan dan penyelidikan taksonomi organisma Malaysia. Institusi ini ibarat perpustakaan hayat dengan dua fungsi utama. Pertama, penyimpanan spesimen kepelbagaian spesies, manakala kedua, penyelidikan terhadap spesimen berkenaan.

Ada suara menyatakan untuk apa institusi seperti itu? Jawapannya, sama dengan jawapan untuk apa institusi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Arkib Negara? Justeru, institusi berkenaan harus setara dengan institusi sedia ada seperti Institut

Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

Terlalu ramai bercakap mengenai biodiversiti khususnya kepentingan dan ancaman terhadapnya. Namun, tiada orang bercakap mengenai taksonomi, iaitu pembangunan dan penyelidikannya untuk memahami biodiversiti. Ada banyak biodiversiti tidak diketahui, yang akan hilang tanpa disedari kerana tiada dokumentasi.

Saya cuba memasyarakatkan pengetahuan biodiversiti secara tidak formal melalui penulisan kreatif seperti novel *Mimpi Sebuah Impian* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan *Kumbang Yang Terantuk* terbitan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).

Mohamed Salleh Said,
Subang Jaya

Headline	Bekalan ayam cukup hadapi perayaan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	21 May 2020	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	1,8	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	495 cm ²
Journalist	SHEILA ZAIDI	AdValue	RM 4,613
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 13,839



Headline	Bekalan ayam cukup hadapi perayaan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	21 May 2020		
Section	TEMPATAN	Color	Full Color
Page No	1,8	Circulation	37,981
Language	Malay	Readership	113,943
Journalist	SHEILA ZAIDI	ArticleSize	495 cm ²
Frequency	Daily (EM)	AdValue	RM 4,613
		PR Value	RM 13,839

Bekalan ayam cukup hadapi perayaan

SHEILA ZAIDI

SERIAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak memaklumkan bahawa bekalan ayam adalah mencukupi untuk menampung keperluan pada musim perayaan akan datang ini.

Pengarahnya, Dato' Stanley Tan berkata, beliau diberitahu oleh pengurus ladang ayam K&L Farming Sdn Bhd bahawa purata pengeluaran ayam oleh syarikat berkenaan adalah sebanyak 14,000 ekor sehari.

"Selain K&L Farming Sdn Bhd, terdapat dua lagi ladang utama di Sarawak iaitu QL Livestock Farming Sdn Bhd dan Central Cold-storage Kuching Sdn Bhd.

"Kedua-dua ladang ini mempunyai kapasiti purata pengeluaran ayam sebanyak 8,000 ekor dan 35,000 ekor sehari masing-masing untuk keperluan seluruh rakyat di Sarawak meliputi bahagian Kuching hingga ke bahagian Limbang dan Lawas," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan pemeriksaan di ladang ayam K&L Farming Industries Sdn Bhd Selasa lalu.

Menurut Stanley, lawatan pemeriksaan tersebut bertujuan untuk meninjau dan mendapatkan maklumat berkaitan bekalan ayam bagi keperluan pada bulan Ramadan dan musim perayaan yang akan datang

iaitu perayaan Hari Raya Puasa dan Hari Gawai Dayak.

Katanya, berdasarkan kutipan harga Bahagian Majlis Harga Negara (BHBN) KPDNHEP Sarawak, harga jualan ayam bersih standard sekilogram bagi tempoh Januari hingga Mei 2020 ialah diantara RM6.90 hingga RM8.50.

Beliau memberitahu, semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), harga ayam ialah RM6.90 hingga RM8.50 sekilogram.

Jelasnya, harga berkenaan adalah pada aras normal dan tidak menunjukkan sebarang kenaikan.

Tambah Stanley, KPDNHEP bersama-sama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan saling bekerjasama dalam memastikan bekalan makanan keperluan harian mencukupi dalam pasaran dan dijual pada harga yang berpatutan.

Justeru, ujarnya, pengguna dinasihatkan supaya membeli mengikut keperluan dan elakkan pembaziran.

Pihak kementerian juga akan melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai bagi 2020.

SHMMP Hari Raya Puasa akan bermula pada 20 Mei hingga 3 Jun 2020 iaitu selama 15 hari manakala bagi SHMMP Pesta Kaamatan dan Hari Gawai bermula pada 28 Mei hingga 3 Jun 2020 selama tujuh

hari.

Beliau berharap supaya harga ayam adalah terkawal mengikut harga yang telah diwartakan oleh kementerian.

"Pihak kementerian telah meningkatkan pemantauan dan pemeriksaan terhadap harga jualan ayam di pasaran.

"Sehingga 18 Mei 2020 sebanyak 31 notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 telah dikeluarkan terhadap rantaian pembekal ayam iaitu di peringkat runcit, pembekal dan peladang," tegas Stanley.

Dedahnya, sebanyak lima belas notis telah dikeluarkan kepada peniaga ayam di pasar awam, lapan notis kepada pembekal dan lapan notis lagi kepada peladang.



PEGAWAI Penguatkuasa KPDNHEP Sarawak memantau harga jualan ayam di pasar sekitar Bandar Raya Kuching.

Headline	Ready market for pomelos - Junz		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	21 May 2020		
Section	Home	Color	Full Color
Page No	5	Circulation	18,290
Language	English	Readership	54,870
Journalist	Jenne Lajiuns	ArticleSize	255 cm ²
Frequency	Daily (EM)	AdValue	RM 1,422
		PR Value	RM 4,265



Ready market for pomelos – Junz

By Jenne Lajiun

KOTA KINABALU: Farmers keen on planting pomelos are told not to worry about selling because there is a market ready for the tasty citrus fruit.

Agriculture and Food Industry Minister, Datuk Junz Wong said that an acre of around 55 pomelo trees could produce up to eight tonnes of the fruit annually.

"That is worth about RM20,000 at RM2.50 per kilogramme," he said in a statement shared at the Warisan Sabah media room WhatsApp group yesterday.

Continuing with his calculation, he added that if

five acres of land were planted with pomelos, that would draw roughly RM100,000 per year.

He added that the Sabah government in its Sabah Agriculture Blueprint 2021-2030 had installed programmes that would ease the entry of Sabahans into the agriculture sector, namely in the planting of pomelos.

The programme would be implemented by Koperasi Pembangunan Desa (KPD), he said.

"Among others involved are also STF Agriculture, a poultry farm involved in supplying fertilizer and agencies like KPD

which in the near future will provide collection services," he said.

He also said that in view of the present success models, the Sabah government would replicate such models and act as a facilitator linking different entities together to form a sustainable ecosystem.

"For example, planters need fertilizers and fertilizer suppliers need planters as consumers. So planters and fertilizer producers will be linked. Or downstream players producing juice need raw materials and planters need a market to consume

the products. So downstream players such as juice producers will be connected with planters," he explained.

"By doing so, planters need not worry about selling because there is a ready market. Fertilizer producers need not worry about the lack of consumption as there are planters; and downstream players need not worry about shortage in raw materials as the planters will have them ready."

"This ecosystem is essential to ensure the sustainability of all involved parties, and this is what lies at the heart of the blueprint," he said.

Headline	Ready market for pomelos - Junz		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	21 May 2020		
Section	Home	Color	Full Color
Page No	5	Circulation	18,290
Language	English	Readership	54,870
Journalist	Jenne Lajiuns	ArticleSize	255 cm ²
Frequency	Daily (EM)	AdValue	RM 1,422
		PR Value	RM 4,265



Junz, viewing a pomelo at a farm, said an acre of around 55 pomelo trees could produce up to eight tonnes of the fruit worth about RM20,000 annually.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/05/2020	HARIAN METRO	LOKAL	17

Harga dah turun RMI

Ayam standard dijual ikut SHMMP hingga 3 Jun

Oleh Hassan Omar
am@hmetro.com.my

Alor Gajah

Sehari selepas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) mengumumkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bagi 11 barang kawalan sempena perayaan Aidilfitri, harga ayam standard mencatatkan penurunan sebanyak RM1, semalam.

Jika kelmarin ayam standard iaitu ayam disembelih dan dibersihkan serta kaki, kepala, hati serta hempedal dijual peniaga di sekitar Masjid Tanah, Alor Gajah pada harga RM8.50 sekilogram, semalam ia turun kepada RM7.50.

Harga berkenaan sejajar harga maksimum ayam standard mengikut skim terbabit berkuat kuasa mulai semalam hingga 3 Jun depan.

Tinjauan di Pasar Awam Masjid Tanah dan beberapa kedai memproses ayam di



EFFENDI Johari, 38, memotong ayam di kedai memproses ayam di Kampung Solok Duku, Masjid Tanah dekat Alor Gajah.

sekitar Masjid Tanah mendapati kebanyakan peniaga

menetapkan harga ayam standard RM7.50 sekilogram berasarkan

Ayam standard dijual pada harga RM8.50 sekilogram turun kepada RM7.50

harga maksimum diumumkan kementerian itu.

Peniaga ayam di Kampung Solok Duku, Shamsul Bokhari Abdul Ghani, 55, berkata harga berkenaan berasaskan harga ayam di ladang ditawarkan penternak.

"Hari ini, ayam dijual penternak pada harga lebih rendah berbanding semalam dan sudah tentu kami jual runcit pada harga rendah RM7.50 sekilogram berbanding RM8.50, semalam.

"Kami bukan sengaja menaikkan harga ayam standard, sebaliknya kami jual runcit berasaskan harga ayam di ladang ditawarkan penternak dan jika harga ditawarkan itu tinggi, kami terpaksa jual tinggi serta begitu juga sebaliknya," katanya.

Peniaga ayam di Pasar Awam Masjid Tanah dikenali sebagai Amin berkata, penternak tidak akan sesuka hati menaikkan harga ayam, sebaliknya ia harus berdasar-kan harga ayam di ladang.